

## QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022: UNIMAS berada di 1001-1200 dunia

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**PENGARAH :**  
PROF DR TARMUJI MASRON

**TIMBALAN PENGARAH :**  
PROF MADYA DR LEE NUNG KION  
DR SHARIZAL HASHIM

**PENOLONG PENDAFTAR KANAN :**  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :**  
GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI


**PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :**  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**SETIAUSAHA PEJABAT :**  
NUR AISHAH JORI

**PEMBANTU TADBIR KANAN :**  
NORISA MOHAMAD SAHARI

**PEMBANTU TADBIR :**  
SITI AFIZAH JAMIL  
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

**PEMBANTU OPERASI :**  
ROZAIMI ANIS



**Kota Samarahan :** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini berada pada kedudukan 1001-1200 dunia dalam penarafan edisi terbaharu QS World University Rankings 2022. Keputusan ini diumumkan oleh pihak Quacquarelli Symonds (QS) yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 8 Jun 2021.

Sebanyak 1300 buah universiti dari seluruh dunia berada dalam edisi penarafan pada kali ini, jumlah terbesar berbanding sebelum ini. Daripada jumlah tersebut hanya 22 buah universiti di Malaysia yang tersenarai.

QS World University Rankings 2022 menilai universiti dengan menggunakan 6 indikator dan pemberat iaitu Academic Reputation (40%); Employer Reputation (10%); Faculty Student Ratio (20%); Citation per Faculty (20%); International Faculty (5%) dan International Students (5%).

Data yang digunapakai untuk penarafan QS World University Rankings 2022 adalah data universiti pada tahun 2020.

Dalam analisa keputusan yang dikeluarkan, kedudukan UNIMAS merosot pada kali ini setelah berada di ranking 801-1000 sejak 2 tahun lalu. Ini merupakan tahun ketiga UNIMAS berada dalam penarafan QS World University Rankings.

Perbandingan dengan Universiti Awam di Malaysia pula menyaksikan UNIMAS berada di kedudukan ke dua belas berbanding kedudukan ke sepuluh pada tahun sebelumnya.

Walaupun berlaku peningkatan markah dalam empat indikator, namun ianya masih belum mampu mengekalkan kedudukan UNIMAS pada ranking seperti tahun sebelumnya. Dari segi kedudukan berdasarkan indikator pula, International Faculty mencatatkan markah tertinggi bagi UNIMAS sekaligus meletakkan ia sebagai indikator terkuat UNIMAS di kedudukan 601+ dunia.

Dalam usaha untuk memperbaiki kembali kedudukan UNIMAS pada tahun mendatang, langkah dan strategi baharu perlu dirangka oleh semua pihak yang terlibat.

## Program Pendekatan Sistemik Ke Arah Pengurusan Risiko

**Kota Samarahan :** Pendekatan sistematik ke arah pengurusan risiko dalam Sistem Pengurusan Kualiti merupakan salah satu aspek utama di dalam penilaian piawai kualiti.



Sehubungan itu, pengurusan risiko adalah salah satu perkara yang ditekankan di dalam pelan audit pematanaan dan pensijilan semula ISO 9001:2015.

Menyedari kepentingan ini, SQRC melalui Unit Pengurusan Risiko telah menganjurkan latihan ISO 9001:2015

*Understanding and Implementing Risk and Opportunities* pada 17 Jun 2021 bersama pihak SIRIM STS Sdn Bhd.

Antara objektif sesi ini ialah untuk menjelaskan konsep 'risiko' dalam konteks ISO 9001:2015; meningkatkan kefahaman pengurusan risiko dalam ISO 9001:2015 dan mendalami konsep 'risk based thinking' berbanding pendekatan proses.


Program telah disertai semua PTj yang dipersijilkan ISO 9001:2015 termasuk PTj sokongan secara atas talian.



## SQRQ anjur latihan Sistem Pengurusan Kualiti dan ISMS

**Kota Samarahan :** SQRC telah berjaya menganjurkan beberapa siri latihan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

Dua bengkel berkaitan audit dalaman telah diadakan iaitu Bengkel ISO 9001:2015 *Internal Auditing* yang dijalankan pada 22-23 Jun 2021 dan Bengkel ISO 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS) Internal Auditing* yang dijalankan pada 29-30 Jun 2021. Kedua-dua bengkel dikendalikan menerusi platform *cisco webex* bersama penceramah jemputan SIRIM STS iaitu Pn Saadiah Enok dan En Basri Zainol.



## Taklimat Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS

**Kota Samarahan :** Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT telah mengeluarkan arahan penyediaan dan penghantaran data MyMoheS UA bagi Modul Staf, R&D&C dan Maklumat Institusi (*cut off date 30 Jun 2021*).

Lanjutan itu, SQRC telah mengadakan taklimat kepada semua pemilik data modul berkaitan bagi memastikan kesempurnaan dan kualiti data yang perlu disediakan sebelum dikemukakan kelak.

Taklimat dijalankan secara atas talian pada 28 Jun 2021 ekoran semua yang terlibat bekerja dari rumah (BDR).

Antara maklumat penting yang ditekankan semasa taklimat ini adalah senarai medan bagi data staf yang merupakan medan mandatori dan perlu dikemaskini.

Proses penyaluran data dari SPeED UNIMAS ke Sistem MyMoheS dijangka akan dilaksanakan mulai 1-23 Julai 2021.



JADUAL PENGHANTARAN DATA DATA STAF, R&D&C DAN MAKLUMAT INSTITUSI			
JENIS DATA	CUT-OFF DATE DATA	TARIKH MULA PENGHANTARAN/ PENGEMASKINIAN DATA	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN & PENGESAHAN DATA OLEH TNC / REKTOR
DATA STAF	30 Jun 2021	1 Julai 2021	23 Julai 2021
DATA PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN & PENGKOMERSILAN (R&D&C)	30 Jun 2021	1 Julai 2021	23 Julai 2021
DATA MAKLUMAT INSTITUSI	30 Jun 2021	1 Julai 2021	23 Julai 2021

Bengkel ini khusus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan juruaudit dalaman UNIMAS. Proses audit dalaman yang berkesan akan memberikan impak kepada audit pemantanaan atau persijilan semula oleh pihak SIRIM.

SQRC turut menganjurkan bengkel ISO 27001:2013 *ISMS Risk Assessment* pada 1 Julai 2021. Pengurusan risiko bagi aset maklumat universiti amat penting bagi mengenalpasti risiko dari sudut perspektif keselamatan maklumat. Seramai 22 orang peserta terdiri dari Ahli Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan beberapa Pengurus Risiko PTj hadir pada bengkel yang dijalankan menerusi aplikasi *cisco webex*.





## Keterlibatan Sukarelawan SQRC di PPV IPT UNIMAS

**Kota Samarahan :** UNIMAS telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dan Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) IPT.

PPV IPT UNIMAS mula beroperasi dengan pemberian dos pertama vaksin Sinovac pada 14 Jun 2021. Dalam tempoh 3 hari beroperasi, PPV IPT UNIMAS telah diiktiraf sebagai PPV mega berikutan kapasiti pemberian vaksin mampu mencecah 5000 penerima dalam sehari.

Keterlibatan staf SQRC sebagai sukarelawan bagi membantu menjayakan operasi PPV ini sejak hari pertama operasi turut dipuji.

Semua sukarelawan ditugaskan di beberapa bahagian PPV antaranya kaunter pendaftaran, ruang vaksinasi dan pemantauan.

Taklimat dan simulasi kepada sukarelawan turut dijalankan pada 12 Jun 2021 bagi memastikan kelancaran operasi PPV.

Sesungguhnya pengorbanan para sukarelawan SQRC yang merupakan barisan hadapan amatlah dihargai dan dipuji.


## Taklimat Penghantaran Data Penarafan 2022

**Kota Samarahan :** SQRC telah mengambil inisiatif untuk mengadakan taklimat khusus pada 5 Julai 2021 kepada Ketua Strategi Fakulti berhubung pengumpulan dan penghantaran data penarafan 2022.

Sesi taklimat secara atas talian telah dikendalikan oleh Prof Madya Dr Lee Nung Kion, Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik).

Taklimat turut menyentuh peranan SQRC dan Ketua Strategi yang menjadi penghubung antara PTJ dan pengurusan Universiti.

Penekanan berhubung metodologi setiap kategori penarafan turut diperjelaskan secara mendalam agar kekuatan dan kelemahan data Universiti dikenalpasti untuk strategi penambahbaikan dalam data penarafan 2022 kelak.



## Terima Kasih Penglibatan Sukarelawan SQRC di PPV UNJMAS



## Selamat Datang & Selamat Bertugas di SQRC



**ENCIK MOHD HAFIZUDDIN BIN SULAIMAN**

Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Gred N19 telah melapor diri pada 3 Jun 2021

# Kalendar Aktiviti



## Jun 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Daftar Risiko	Jemputan UBS @ ZOOM	3/6/2021
2	Sesi Perkongsian Ilmu / Temubual Pelaksanaan Pembangunan Analitik Data	Sesi Perkongsian oleh UTM	14/6/2021
3	Training ISO 9001:2015 Understanding Risk and Opportunities	Bengkel Bersama SIRIM STS @ online	17/6/2021
4	THE Young Universities Summit 2021	virtual	22-23/06/2021
5	Training ISO 9001:2015 Internal Auditing	Bengkel Bersama SIRIM STS @ online	22-23/6/2021
6	Training ISO/IEC 27001:2013 ISMS Internal Auditing	Bengkel Bersama SIRIM STS @ online	29-30/6/2021
7	Taklimat Data MyMoheS (Data Owner & System Developer)	Taklimat Penyediaan Data Modul Staf, RDC, Institusi cod 30.6.21	28/6/2021

## Julai 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Training ISO/IEC 27001:2013 ISMS Risk Assessment	Bengkel Bersama SIRIM STS @ online	1/7/2021
2	Sesi Taklimat Penyediaan dan Penghantaran Data Penarafan	Ketua Strategi Fakulti	5/7/2021
3	Penghantaran Laporan Kajian Semula Pengurusan ISO 9001:2015	PTj	15/7/2021
4	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2021 Ke-21	21/7/2021
5	Penghantaran Data MyMOHES	Modul Staf, RDC & Institusi cod 30.6.21	23/7/2021